

PM, dua calon angkasawan berinteraksi sidang video

BANTING 4 Okt. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berinteraksi menerusi sidang video dengan calon angkasawan negara Dr. Sheikh Muszaphar Shukor dan Kapten Dr. Faiz Khaleed yang kini berada di Pusat Latihan Angkasawan Yuri Gagarin, Star City, Rusia.

Sidang yang diadakan sempena perasmi-

an Pusat Angkasa Negara di sini itu berlangsung dalam suasana bersahaja sejurus selepas Abdullah menyempurnakan majlis perasmian itu.

Dalam perbualan kira-kira lima minit itu, Perdana Menteri sempat bertanya tentang perkembangan latihan, selain menyampaikan nasihat kepada kedua-dua calon angkasawan negara.

"Saya harap anda akan bersungguh-sungguh, bekerja dengan cemerlang. Guna sebaik-baiknya peluang ini untuk menimba seberapa banyak ilmu dan pengetahuan mengenai angkasa.

"Jangan lupa, jaga kesihatan kerana ia penting untuk menjalani latihan. Mudah-mudahan nanti kita akan dapat terbang ke angkasa dan melahirkan angkasa-

wan pertama.

"Ini harapan saya dan harapan seluruh rakyat Malaysia," kata Perdana Menteri.

Dalam pada itu, Sheikh Muszaphar dan Faiz memberitahu latihan sebenar akan bermula 7 Oktober ini.

"Pada masa ini kami banyak membuat kerja-kerja pentadbiran di samping berusaha untuk menguasai bahasa Rusia," kata mereka.

Kedua-dua calon angkasawan negara itu turut memberitahu kehadiran mereka disambut baik oleh rakyat Malaysia di Moscow termasuk pihak kedutaan, pasukan projek perolehan jet pejuang Sukhoi 30-MKM dan pelajar-pelajar Malaysia.

Turut hadir menemani Sheikh Muszaphar dan Faiz pada sidang video itu ialah Duta Malaysia ke Rusia, Datuk Mohamad Khalis.